



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

HARI BERTEMU PELANGGAN

SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &

3.00 pg. - 4.00 ptg.

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref.: (3) 04 / C / P / 656 / 2 /Jil.2/2007

08 Februari 2007

Pk(EQ)MPOB 03/2007

Semua Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit
Semua Pengimpor Keluaran Kelapa sawit

Tuan,

PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB UNTUK PINDAAN/KEMASKINI MAKLUMAT PENGISYTIHARAN MUTU EKSPORT DAN IMPORT (MPOB Q1 , MPOB Q3) UNTUK KELUARAN KELAPA SAWIT SECARA ELEKTRONIK

Perkara di atas adalah dirujuk dan Pekeliling PP 02/2006 bertarikh 06 Februari 2006 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan MPOB telah menambahbaik sistem e-QC iaitu dengan tambahan modul untuk pindaan/kemaskini maklumat yang membolehkan pihak tuan membuat pindaan/kemaskini maklumat pengisytiharan mutu keluaran kelapa sawit ekport dan import (MPOB Q1, MPOB Q3) secara *on-line* melalui browser. Sistem e-QC (termasuk modul tambahan) ini akan mula digunakan sepenuhnya mulai **10 Februari 2007**.

3. Sehubungan itu, pihak tuan boleh membuat pindaan/kemaskini dan seterusnya menghantar maklumat-maklumat yang diperlukan secara *on-line* dialamat internet seperti dibawah:

<http://www.eqcmpob.com.my>

4. Dengan cara penghantaran maklumat secara elektronik dapat memudahkan kerja-kerja penghantaran maklumat kepada Lembaga mengikut masa seperti yang diperuntukan di dalam syarat lesen yang dikenakan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Mutu) 2005.

Berikut kami lampirkan: Pekeliling Penguatausaan Pk(EQ) MPOB 03/2007 dengan tarikh kuatkuasa **10 Februari 2007**

Sekian untuk perhatian tuan.

Terima kasih.

Yang benar,

DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID
KETUA PENGARAH
MPOB

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan
Wisma Sawit

Lot 6, 886, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.

Telefon: 603-78036544 • Faks: 603-78034014 • 78061486 • <http://www.mpb.gov.my>

KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA



BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB

Rujukan Pekeliling Penguatkuasaan	:	Pk(EQ)MPOB 03 /2007
Tarikh Kuatkuasa	:	10 Februari 2007
Perkara	:	Pindaan/Kemaskini Maklumat Pengisytiharan Mutu Eksport, Pengalihan Tempatan dan Import (MPOB Q1, MPOB Q3) untuk keluaran kelapa sawit secara elektronik.

1. TUJUAN


Memaklumkan arahan pelaksanaan pindaan/kemaskini Maklumat Pengisytiharan Mutu Eksport Eksport dan Import (MPOB Q1, MPOB Q3) untuk keluaran kelapa sawit secara elektronik.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengisytiharan mutu eksport dan import semua keluaran kelapa sawit termasuk keluaran oleokimia adalah tertakluk di bawah subperaturan 4(1) dan 6(1) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Mutu) 2005 dan Per. 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005. Pengisytiharan ini hendaklah lengkap, benar dan tepat dan boleh dibuat secara manual atau elektronik.
- 2.2 Satu sistem Pengisytiharan Mutu Eksport dan Import (MPOB Q1, MPOB Q3) telah disediakan secara *online* dan telah mula digunakan sepenuhnya mulai 01 Februari 2006.
- 2.3 Tambahan modul iaitu modul 'kemaskini maklumat' kepada sistem berkenaan telah dibuat bagi membolehkan kesemua maklumat yang berkaitan yang telah diisyiharkan melalui Pengisytiharan Mutu Eksport dan Import (MPOB Q1,MPOB Q3) dipindahkan secara terus ke Penyata Bulanan (e-kilang) setiap bulan. Modul ini boleh mula digunakan sepenuhnya mulai 10 Februari 2007.

3. CARA PELAPORAN PINDAAN/KEMASKINI MAKLUMAT KELUARAN KELAPA SAWIT

- 3.1 Satu sistem penghantaran Pengisytiharan Mutu Eksport dan Import(MPOB Q1, MPOB Q3) secara online boleh dicapai melalui alamat internet <http://www.eqcmpob.com.my>



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

- 3.2 Melalui modul kemaskini maklumat ini pelesen boleh membuat pindaan/kemaskini maklumat pengisytiharan mutu secara *online*.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatuasaan ini adalah terpakai kepada semua pelesen MPOB untuk kategori peniaga, pengeksport, pengimpor kelapa sawit.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Penguatuasaan MPOB ini mula berkuatkuasa pada 10 Februari 2007.

6. PENGESAHAN DAN KELULUSAN

Surat pekeliling ini diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dr. Mohd. Basri Wahid".

**(DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID)
KETUA PENGARAH
MPOB**